

# HIDUP HARIMAU

## Kertas Maklumat

Harimau (*Panthera tigris*), kucing terbesar di dunia, dianggap sebagai lambang kemegahan dalam setiap budaya. Namun, haiwan yang gagah perkasa ini ditindas di seluruh kawasan penetapannya. Harimau diracuni, ditembak dan diperangkap dalam skala yang besar. Ini semua berlaku disebabkan konflik antara harimau dan manusia, di samping terdapatnya permintaan yang tinggi terhadap organ dalaman harimau dan bahagian tubuh badannya dalam perdagangan haram antarabangsa yang tiada nokhtahnya. Bukan itu sahaja, malah habitat serta mangsa semulajadi harimau di hutan belantara turut dimusnahkan. Semenjak 100 tahun kebelakangan ini sahaja bilangan harimau telah menurun sebanyak 95 peratus dan tiga sub-spesies harimau telah pupus - dan kemungkinan juga terdapat yang keempat, kerana satu lagi sub-spesies harimau tidak kelihatan di hutan belantara sejak 25 tahun yang lalu.


### Terdapat enam sub-spesies harimau yang masih hidup



Harimau Amur

WWF/ALEIN & RUBERT

1. **Harimau Amur** (*P. t. altaica*) yang turut dikenali sebagai harimau Siberia, ialah sub-spesies harimau yang terbesar. Suatu masa dahulu, ia boleh ditemui di hutan taiga dan boreal di Timur Jauh Russia, China dan Semenanjung Korea; namun kini ia hanya ditemui di dua buah wilayah di Timur Jauh Russia, dan kemungkinan juga masih hidup dalam kelompok-kelompok kecil di kawasan sempadan antara China dan Korea Utara. Walaupun ia telah terselamat daripada ambang kepupusan suatu ketika dahulu, bilangannya kini hanya mencecah sebanyak 431 - 529 individu dan ia masih tergolong dalam kategori Sangat Terancam.



Harimau Indo-China

WWF-Carroll/Elizabeth KEMP

2. **Harimau Bengal** (*P. t. tigris*) yang tergolong dalam Kumpulan Terancam ini merupakan sub-spesies harimau yang mempunyai bilangan yang tertinggi iaitu sekitar 3,176 - 4,556 individu. Kebanyakan sub-spesies ini ditemui di India selain daripada Bangladesh, Bhutan, Myanmar, China dan Nepal. Harimau Bengal menetap di hutan daun luruh (*deciduous*), hutan tropika, padang rumput (*grasslands*) dan paya baka.




Harimau Bengal

WWF-Carroll/Chris HALLS

3. **Harimau Indo-China** (*P. t. corbetti*) berada dalam Kumpulan Sangat Terancam dengan bilangannya yang kurang daripada 1,000 individu. Ia mempunyai taburan yang sangat luas, iaitu di sekitar enam buah negara (Kamboja, China, Lao PDR, Myanmar, Thailand dan Vietnam). Kebanyakan daripada sub-spesies ini tinggal di hutan tropika daun luruh dan hutan malar hijau (*evergreen*).

4. **Harimau Malaya** (*P. t. jacksoni*) telah diklasifikasikan sebagai harimau Indo-China sehinggalah pada Disember 2004 apabila ujian DNA dilakukan keatasnya dan didapati bahawa ia adalah sub-spesies yang berbeza. Harimau Malaya diberi nama sempena seorang pemuliharaan harimau terkenal, Peter Jackson. Di Malaysia, harimau Malaya juga dikenali sebagai Pak Belang, Datuk Harimau dan Raja Rimba. Taburannya meluas di seluruh Semenanjung Malaysia (harimau tidak ditemui di Sabah dan Sarawak) kecuali di pulau-pulau dan beberapa negeri kecil seperti Perlis, Pulau Pinang dan Melaka. Kebanyakan harimau ditemui di Kelantan, Terengganu, Perak dan Pahang. Anggaran bilangan harimau di hutan Semenanjung Malaysia adalah sekurang-kurangnya 490 individu. Harimau Malaya boleh tinggal di pelbagai habitat seperti paya gambut meskipun habitat kegemarannya ialah di tanah pamah hutan Dipterokarp.



Harimau Malaya

WWF-Malaysia/Mark Boyan



Harimau China Selatan

WWF-Carroll/John MacDONALD

5. **Harimau China Selatan** (*P. t. amoyensis*) yang dianggap sebagai sub-spesies harimau yang tertua, berada dalam Kumpulan Sangat Terancam. Ia turut dikenali sebagai harimau Xiamen atau Amoy dan tidak lagi dilihat di hutan sejak lebih 25 tahun yang lalu. Sesetengah orang mempercayai ia telah pupus di hutan belantara. Walaupun mungkin masih ada sebilangan kecil yang hidup di hutan lembab di China Tenggara, namun peluang untuk mereka bertahan sangat tipis disebabkan oleh habitat yang kecil dan makanan yang tidak mencukupi untuk mereka meneruskan kehidupan.

6. Sub-spesies yang mempunyai bilangan yang paling sedikit, **harimau Sumatra** (*P. t. sumatrae*), berada dalam Kumpulan Sangat Terancam. Ia hanya ditemui di Sumatra, Indonesia dan kini diancam oleh pemburuan haram dan pemusnahan habitat. Lebih kurang 400 - 500 individu sub-spesies ini boleh didapati di kawasan perlindungan di hutan montan, paya gambut dan beberapa kelompok hutan tanah pamah tropika yang masih wujud; kesemuanya terancam oleh tukar guna tanah untuk pertanian dan perladangan, kegiatan pembalakan dan pembinaan jalan.



Harimau Sumatra

WWF/Fredy MERCY

Tiga lagi sub-spesies harimau, **harimau Bali** (*P. t. balica*), **Kaspia** (*P. t. virgata*) dan **Jawa** (*P. t. sondaica*) telah pupus pada abad ke-20 yang lalu.

Sub-spesies yang berlainan mempunyai perbezaan saiz badan, warna bulu dan corak. Harimau Sumatra ialah harimau terkecil dan paling gelap warnanya sementara harimau Amur ialah harimau yang terbesar dan paling cerah warnanya. Bagaimanapun, perbezaan antara sub-spesies tidak selalu dibuat melalui corak dan warna bulu sahaja kerana kadangkala sub-spesies yang berbeza turut mempunyai persamaan dari segi corak dan warna bulu.

Secara amnya, bulu harimau berwarna oren kemerah-merahan sehingga kuning keperangan dengan belang-belang hitam dan perut yang berwarna putih. Belang-belang harimau sama seperti cap jari manusia iaitu tiada seekor harimau mempunyai corak belang yang sama. Kaki depan harimau pendek dan berotot kental dan mempunyai kuku yang panjang, tajam dan boleh ditarik ke dalam. Selain daripada itu, terdapat corak seperti lakaran perkataan Cina di dahi harimau - Wang, yang bermaksud raja. Harimau turut mempunyai anak mata yang bulat dan iris yang berwarna kuning (kecuali harimau putih yang mempunyai mata biru). Pengadaptasian retina yang memancarkan cahaya semula ke retina membuatkan penglihatan harimau pada waktu malam melebihi enam kali ganda penglihatan manusia.

		Harimau Sumatra	Harimau Amur
<b>Saiz:</b>	Panjang	2.4m	3.3m
	Berat	100-150kg	180-300kg
	Tinggi	Sekitar 0.9m (bahu-kaki)	
<b>Taburan habitat:</b>	Betina	90-190 km <sup>2</sup>	100-400km <sup>2</sup>
	Jantina	100-400 km <sup>2</sup>	800-1000km <sup>2</sup>

Harimau gemar menyendiri kecuali semasa perhubungan rapat antara ibu dan anak selepas bersalin dan semasa musim mengawan. Mereka menetap di kawasan keliraran yang akan dipertahankan daripada gangguan harimau lain yang sama jantina. Ini dilakukan dengan meninggalkan kesan kencing dan najis di sekeliling kawasan itu. Beberapa ekor harimau mungkin menuruti laluan keliraran yang sama pada masa yang berlainan, dan biasanya kawasan keliraran seekor harimau jantan bertindih dengan kawasan keliraran beberapa ekor harimau betina.

Musim mengawan harimau adalah sepanjang tahun. Harimau melahirkan kira-kira dua hingga tiga ekor anak selepas tempoh bunting selama 103 hari. Sepanjang tempoh 6-8 minggu selepas dilahirkan, anak-anak harimau tidak memakan apa-apa kecuali susu ibunya. Selepas itu barulah si ibu membawa anak-anaknya menjajah haiwan liar yang diburu oleh ibunya. Harimau merupakan haiwan karnivor dan mangsa utamanya terdiri daripada mamalia berkaki empat. Di Malaysia, mangsa utama harimau ialah babi hutan, rusa (sambar) dan mamalia bersaiz sederhana seperti kijang (muntjak).

Gigi taring harimau tumbuh sepenuhnya pada usia 16 bulan namun harimau cuma keluar memburu mangsa sendiri pada usia sekitar 18 bulan. Harimau betina mencapai kematangan pada usia 3 tahun, iaitu setahun lebih awal daripada harimau jantan. Apabila anak-anak harimau telah meningkat dewasa – sekitar usia setahun setengah hingga tiga tahun – mereka akan meninggalkan si ibu untuk mencari kawasan sendiri. Anak harimau betina selalunya tidak akan pergi jauh dari kawasan ibunya.

## Apakah masalah yang dihadapi oleh harimau?

### Pemburuan, Pemburuan Haram dan Perdagangan Haram.

Sejak lebih dari 1,000 tahun yang lepas, harimau telah diburu untuk dijadikan lambang status, alatan perhiasan, cenderamata dan perhiasan unik serta digunakan dalam perubatan tradisional Asia. Pemburuan sebagai hobi di sekitar 1930an mungkin merupakan faktor utama yang menyebabkan kepupusan harimau. Selain daripada itu, harimau dianggap sebagai haiwan pengganggu yang patut dimusnahkan. Kemudian pada awal 1990an, bukti menunjukkan bahawa ancaman besar terhadap kepupusan harimau ialah perdagangan tulang harimau yang digunakan untuk membuat perubatan tradisional. Namun kini, ubatan yang berasaskan harimau sudah kurang didapati di pasaran, dengan kerjasama daripada pelbagai pihak, antaranya pelaburan yang dibuat dalam usaha memulihara harimau, pengawalan perdagangan dan pemasaran pengganti tulang harimau di peringkat antarabangsa.

Harimau kini telah dilindungi di keseluruhan taburan habitatnya dengan undang-undang yang ketat untuk melindungi harimau daripada didagangkan. Walau bagaimanapun, perdagangan haram masih berterusan kerana permintaan pengguna yang tinggi untuk mendapatkan bahagian-bahagian badan harimau. Kulit harimau kini adalah antara bahagian utama yang didagangkan. Pemburuan haram inilah yang menjadi ancaman terbesar harimau di seluruh dunia.

Berdasarkan laporan yang dibuat oleh TRAFFIC Southeast Asia, kegiatan pemburuan haram harimau, perdagangan haram dan eksport tulang harimau berlaku pada kadar yang tetap di India, iaitu negara yang mempunyai populasi harimau liar tertinggi. Di India, secara puratanya terdapat 22 kes pemburuan haram harimau yang berlaku dalam tempoh setahun yang direkodkan pada setiap tahun dari tahun 1994 sehingga 1999. Laporan terbaru TRAFFIC yang diterbitkan pada tahun 2004 telah mendedahkan bahawa sekurang-kurangnya 50 ekor harimau Sumatra diburu secara haram pada setiap tahun antara tahun 1998 sehingga 2002 untuk memenuhi pasaran Indonesia dan antarabangsa yang memerlukan kulit harimau dan bahagian badannya.

### Kemusnahan Habitat dan Pengurangan Mangsa Semulajadi Harimau

Kurang dari seratus tahun yang lalu, habitat harimau merangkumi hutan-hutan dari timur Turki dan wilayah laut Caspian di Asia Barat, sehinggalah ke sebahagian daripada benua India, China dan Indochina, kemudian turun pula ke selatan di Indonesia, dan naik ke utara di Semenanjung Korea dan Timur Jauh Russia. Namun dengan pertambahan populasi penduduk, habitat harimau semakin berkurangan. Walaupun terdapat sebilangan habitat yang luas di beberapa lanskap hutan, aktiviti pertanian, penebangan hutan untuk perdagangan balak dan pembangunan yang drastik - terutamanya sekali untuk rangkaian jalanraya - telah memaksa harimau untuk hanya menduduki kelompok-kelompok kecil hutan yang masih wujud. Oleh sebab harimau memerlukan kawasan yang luas untuk hidup, hanya sebilangan kecil harimau dapat bertahan untuk terus hidup di hutan belantara.

Di samping itu, populasi harimau yang terasing akan mengakibatkan pembiak baka dalam (inbreeding). Habitat yang semakin mengecil ini juga membuatkan pemburuan haram memasuki hutan dengan lebih mudah berbanding dengan hutan belantara semulajadi yang tebal dan sukar dimasuki. Selain daripada pemusnahan habitat, harimau juga merana disebabkan kekurangan makanan semulajadinya contohnya haiwan yang berkuku seperti rusa liar, kambing, kambing biri-biri dan babi hutan dalam kawasan hutan yang semakin berkurangan. Pengurangan jumlah haiwan-haiwan tersebut dikaitkan dengan aktiviti pemburuan oleh manusia atau persaingan dengan haiwan lain. Dua ancaman utama terhadap harimau liar untuk jangka masa panjang ialah pemusnahan habitat dalam skala yang besar serta pengurangan mangsa semulajadi harimau secara drastik.

### Konflik dengan manusia

Habitat harimau yang semakin mengecil dan makanan semulajadi mereka yang berkurangan menyebabkan mereka mula memasuki kawasan manusia dan menyebabkan berlakunya konflik antara manusia dengan harimau. Harimau menyerang haiwan peliharaan yang dibiarkan berkeliaran berdekatan hutan dan kadangkala menyerang manusia juga. Hasilnya, kerugian yang tinggi terpaksa ditanggung oleh penternak. Sebagai contohnya, Terengganu mengalami kerugian yang melebihi RM1 juta akibat serangan harimau terhadap haiwan seperti lembu sepanjang dekad yang lalu. Petani juga bertindak membunuh harimau untuk membalas dendam, adakalanya harimau ditangkap dan dikurung di zoo atau dibunuh oleh pihak berkuasa sebagai pilihan terakhir. Konflik antara harimau dengan manusia merupakan masalah yang sangat berat terutama sekali di Malaysia, Nepal, Bangladesh, Sumatra dan India.

Ingin tahu dengan lebih...

Sila layari [www.wwfmalaysia.org](http://www.wwfmalaysia.org) untuk mengetahui cara-cara anda boleh membantu melindungi harimau, hidupan liar lain serta habitat mereka.

Atau anda boleh menghubungi kami...

Syazreen Sara  
Pegawai Komunikasi - Program Pemuliharaan Harimau  
ssara@wwf.org.my  
49, Jalan SS23/15, Taman SEA,  
47400 Petaling Jaya, Selangor, D.E, Malaysia  
Tel: ++(603) 7803 3772 Fax: ++(603) 7803 5157

Dengan sokongan:

WWF-Belanda  
HSBC Bank Malaysia Berhad  
Singapore Zoo  
Association of British Women  
in Malaysia